

Lelaki mengaku salah curi motosikal dipenjara setahun

KUCHING: Seorang lelaki berusia 25 tahun dijatuhi hukuman penjara setahun di Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah mencuri sebuah motosikal dalam satu kejadian di Jalan Pending di sini, kelmarin.

Hukuman itu dijatuahkan oleh Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali terhadap Azizur Rahman Haidir yang tidak diwakili peguam dan didakwa mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum tujuh tahun dan boleh didenda jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan semasa pengadu iaitu wanita berusia 26 tahun berada di premis tersebut sekitar jam 12.15 tengah hari pada 28 Julai lalu, pengadu melihat tertuduh datang dan telah mengambil motosikal milik

rakannya.

Pengadu seterusnya membuat laporan polis untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Anggaran kerugian dilaporkan sekitar RM3,000.

Sekitar tiga jam kemudian, polis menahan tertuduh di sebuah perhentian bas di Jalan Foochow di sini dan turut merampas sebuah motosikal.

Hasil siasatan mendapati semakan nombor casis dan nombor enjin motosikal yang dirampas daripada tertuduh adalah sama dengan milik kawan pengadu berdasarkan sijil pemilikan kenderaan, malah pemilik motosikal juga mengesahkan kenderaan itu adalah miliknya.

Difahamkan, tertuduh menghisap gam sebelum kejadian berlaku dan setelah mencuri motosikal terbabit, tertuduh dikatakan berhenti di stesen bas kerana berada dalam keadaan khayal.

Selain itu difahamkan, tertuduh mempunyai dua sabitan membabitkan kes penyalahgunaan dadah selepas mengaku bersalah di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta sama dalam dua prosiding berasingan semalam.

Majistret Syarifah menjatuhkan hukuman penjara lima bulan dan dua tahun pengawasan polis atau Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) terhadap tertuduh.

Sementara Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman denda RM2,500 atau enam bulan penjara serta tiga tahun pengawasan terhadap tertuduh yang turut mengaku bersalah di bawah Seksyen sama.

Pendakwaan dikendalikan secara berasingan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim dan Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin.